



JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

NOTIS SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa dan terbuka kepada Syarikat yang berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau Kementerian Kewangan Malaysia untuk membuat tawaran masa ini bagi membekal kepada Kerajaan Perkhidmatan seperti berikut:-

TAJUK DAN NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG BERDAFTAR	TAKLIMAT /LAWATAN TAPAK
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN SISTEM PENGHAWA DINGIN DAN PERALATAN BERKAITAN DENGANNYA DI JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN NO.SEBUT HARGA :JKNSWK/41/2018	220301 Alat Hawa Dingin (Window/Split/Berpusat)	Taklimat / Lawatan Tapak adalah WAJIB dihadiri sama ada oleh pemilik lesen atau penama dalam sijil yang akan diadakan pada :- Tarikh :08 JUN 2018 (JUMAAT) Masa : 2.30 PM Tempat : Bilik Mesyuarat, JKNS

Syarikat yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan Perbendaharaan Malaysia Sarawak atau Kementerian Kewangan Malaysia serta memastikan **yang pendaftaran syarikat mereka masih lagi sah. Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran berkenaan bersama-sama** permohonan (Lampiran Q) bila mengemukakan permohonan ke Pejabat ini kelak.

Borang Sebut harga (Lampiran Q) boleh didapati dari **Seksyen Perolehan, JKNS** secara percuma pada waktu pejabat dengan membawa sijil pendaftaran yang ASAL atau sijil pendaftaran yang dicetak terus dari laman sesawang Kementerian Kewangan Malaysia untuk pengesahan pendaftaran.

Sebut harga hendaklah diserahkan ke alamat di bawah pada atau sebelum:-
TARIKH : 18 JUN 2018 (ISNIN), JAM 12.00 TENGAHARI.
TEMPAT : SEKSYEN PEROLEHAN, JKN SARAWAK.

Kerajaan tidak akan terikat untuk memilih tawaran yang terendah dari mana-mana Kontraktor/Syarikat yang menyertai Sebut harga ini. Keputusan Jawatankuasa Pemilihan Sebut harga pejabat ini adalah **Muktamad**. Sebarang rayuan atau bantahan tidak akan dipertimbangkan.

***Untuk makluman penyebutharga, notis sebut harga ini juga dipamerkan di laman sesawang jabatan iaitu <http://jknsarawak.moh.gov.my> harap maklum.**

***Borang Sebut Harga MESTILAH DITAIP. Kegagalan mengisi borang Sebut Harga dengan bertaip akan menyebabkan Sebut Harga tidak dipertimbangkan.**

**PENGARAH KESIHATAN NEGERI
SARAWAK**

05 JUN 2018